

**Garis Panduan Penyertaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan Institusi Penyelidikan Awam
ke *Workshop Demand-Driven Innovation Project*
by *Public-Private Research Network (PPRN)***

1. Semua penyelidik daripada Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dan Institusi Penyelidikan Awam adalah dijemput untuk menyertai *workshop Demand-Driven Innovation Project by Public-Private Research Network (PPRN)* yang akan diadakan pada ketetapan seperti berikut:

Tarikh : 18 Januari 2018 (Khamis)
Masa : 8.30 pagi hingga 5.00 petang
Tempat : Unit Keusahawanan & PPRN
Kementerian Pendidikan Tinggi
Aras 13, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6 Presint 5
62200 WP Putrajaya

Agenda : Tentatif seperti di LAMPIRAN B

2. *Workshop* selama **satu (1) hari** ini akan menemukan pihak industri dengan penyelidik-penyelidik daripada IPT dan Institusi Penyelidikan Awam untuk bekerjasama dalam program ini.
3. **Peserta daripada industri** akan membentangkan permasalahan teknologi yang mereka hadapi dan menjelaskan cabaran dalam menemukan penyelesaian yang bersesuaian.
4. **Peserta daripada IPT dan Institusi Pendidikan Tinggi** akan memberi cadangan bagaimana mereka boleh membantu industri menangani masalah dan cabaran tersebut berdasarkan kemahiran dan kepakaran mereka.
5. Peserta daripada IPT dan Institusi Penyelidikan dikehendaki menghantar ***Registration of Interest & Confirmation of Attendance (C3)*** dan ***Non-Disclosure Agreement (C1)*** pada 16 Januari 2017 (Selasa) kepada sekretariat.

*** Kertas cadangan lengkap (LAMPIRAN C2) hendaklah dikemukakan kepada pihak sekretariat sehari selepas sesi pembentangan sebelum pukul 3.00 petang**
6. Pada sesi akhir *workshop*, cadangan penyelesaian akan disenarai pendek untuk pertimbangan pembiayaan projek. Dana akan disalurkan kepada penyelidik yang berjaya.
7. Projek yang memerlukan pembelian *off-the-shelf solutions* seperti pembelian produk, perisian atau perkhidmatan tidak akan dipertimbangkan.

8. Projek yang diluluskan dan menerima peruntukan di bawah dana ini hendaklah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam surat tawaran. Pelaksanaan projek di luar skop kelulusan hendaklah dibiayai oleh syarikat berkenaan.
9. Keutamaan akan diberi kepada projek yang boleh disiapkan dalam tempoh enam bulan tetapi tempoh pelaksanaan projek tidak lebih daripada setahun masih boleh dipertimbangkan jika ia mempunyai nilai sosial dan perniagaan yang penting.
10. Penyelidik yang berjaya dikehendaki mengemukakan laporan pelaksanaan projek kepada Kementerian Pendidikan Tinggi dan mematuhi terma rujukan dalam surat tawaran.
11. KPT/PPRN akan membiayai sebahagian daripada kos keseluruhan projek dan syarikat perlu bersedia untuk turut bersama-sama membiayai kos pembangunan projek.
12. Memandangkan dana yang ditawarkan ialah geran pepadanan yang memerlukan komitmen daripada syarikat, penyelidik dikehendaki menyediakan **implikasi kos yang bersesuaian** dengan pelaksanaan projek dan **tidak terikat dengan had pembiayaan oleh PPRN**.
13. Penyelidik boleh memperuntukkan sehingga **25%** daripada jumlah keseluruhan implikasi kos projek yang disediakan sebagai bayaran profesional kepada penyelidik dan sehingga **5%** daripada jumlah keseluruhan implikasi kos projek sebagai bayaran kos pentadbiran projek kepada Institusi.
14. Penyelidik yang telah berjaya memperoleh **tiga (3) projek** tidak dibenarkan untuk membida projek baru sehingga projek sedia ada telah selesai dijalankan.